

REAKSI SULTAN ABDUL HAMID DAN MASYARAKAT SATUN TERHADAP PENYERAHAN WILAYAH SATUN KEPADA SIAM 1909

**SULTAN ABDUL HAMID'S AND THE SATUN COMMUNITY REACTION AGAINST
THE SURRENDER OF THE SATUN TERRITORY TO SIAM 1909**

Intan Syafinas Binti Shafie*

Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Malaysia Perlis, 02600 Arau,
MALAYSIA

Aisyah Binti Kamaruddin**

Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, MALAYSIA

Abstrak

Penyerahan wilayah Satun kepada pihak Siam melalui Perjanjian Bangkok 1909 yang ditemeterai oleh British dan Siam merupakan suatu peristiwa yang telah mencorakkan landskap geopolitik Asia Tenggara dengan memberi implikasi besar terhadap politik, ekonomi dan budaya Kedah serta wilayah Satun sendiri. Wilayah Satun yang sebelum ini telah menjadi sebahagian daripada wilayah Kedah telah kehilangan statusnya sebagai wilayah Melayu-Islam akibat manipulasi kuasa besar seperti British dan Siam. Rundingan penyerahan ini telah dijalankan tanpa penglibatan langsung oleh pihak Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1841-1943) telah mencerminkan ketidakseimbangan kuasa dalam hubungan diplomatik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis mengenai reaksi Sultan Abdul Hamid terhadap penyerahan tersebut dan penduduk Melayu-Islam di wilayah Satun yang terkesan oleh dasar Siamisasi seperti penggunaan bahasa Thai dan perubahan struktur pemerintahan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya melalui analisis dokumen sejarah seperti memorandum Sultan Kedah, laporan diplomatik British dan Siam serta surat-menurut rasmi untuk membina naratif yang lebih komprehensif. Hasil kajian mendapati bahawa Sultan Abdul Hamid menentang keras penyerahan ini, tetapi tekanan diplomatik dan isu kewangan memaksanya menerima perjanjian tersebut. Penduduk Satun juga turut menghadapi perubahan mendalam terhadap identiti budaya mereka akibat dasar Siamisasi, walaupun terdapat usaha penentangan yang terhad. Kajian ini mencadangkan penelitian lebih lanjut terhadap dokumen arkib dan sumber lisan bagi memperkayakan pemahaman tentang reaksi tempatan terhadap perjanjian ini. Di samping itu, usaha diplomasi moden antara Malaysia dan Thailand perlu memberi perhatian terhadap penghormatan warisan budaya Melayu-Islam di Satun untuk memulihkan hubungan sejarah antara kedua-dua negara.

Kata kunci: Kedah, Penyerahan Wilayah Satun, Perjanjian Bangkok 1909, Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Dasar Siamisasi

Abstract

The surrender of Satun territory to the Siamese side through the Bangkok Treaty of 1909 signed by the British and Siam was an event that shaped the geopolitical landscape of Southeast Asia with major implications for the politics, economy, and culture of Kedah and the Satun region. The Satun region, which had previously been part of the Kedah province has lost its status as a Malay-Muslim province due to the manipulation of great powers such as the British and Siam. The handover negotiations were carried out without the direct involvement of Sultan Abdul Hamid Halim Shah (mm.1841-1943) which reflected the imbalance of power in diplomatic relations. Therefore, this study aims to analyse the reaction of Sultan Abdul Hamid to the surrender and the Malay-Muslim population of the Satun region, which was affected by Siamization policies such as the use of the Thai language and changes in the government structure. This study uses a fully qualitative approach through the analysis of historical documents such as the Sultan of Kedah's memorandum, British and Siamese diplomatic reports, as well as official correspondence to construct a more comprehensive narrative. The results of the study found that Sultan Abdul Hamid strongly opposed the surrender, but diplomatic pressure and financial issues forced him to accept the agreement. The Satun people also face profound changes to their cultural identity because of the Siamization policy, despite limited resistance efforts. This study proposes further scrutiny of archival documents and oral sources to enrich the understanding of local reactions to these agreements. In addition, modern diplomacy between Malaysia and Thailand should pay attention to the respect of the Malay-Muslim cultural heritage in Satun to restore historical ties between the two countries.

Keywords: Kedah, Satun Territorial Surrender, Bangkok Agreement 1909, Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Siamization Policy

Pengenalan

Satun yang dahulunya dikenali sebagai Setul atau juga Setol merupakan bahagian penting dalam sejarah Kedah sebelum diserahkan kepada Siam melalui Perjanjian Bangkok 1909. Penelitian mendalam mengenai susur galur dan pentadbiran wilayah ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang peranan politik, ekonomi dan sosialnya dalam konteks sejarah Kedah. Menurut Abdullah Long Putih dalam *Sejarah Negeri Setol Thailand*, Satun telah memiliki hubungan erat dengan Kedah sejak tahun 1136 sebelum akhirnya menjadi sebahagian daripada wilayah Siam. Kajian beliau telah menekankan aspek politik dan sosial Satun termasuk peranan figura Ku Din Bin Ku Meh seorang pentadbir yang telah berjaya memodenkan wilayah ini tetapi akhirnya telah condong ke arah Bangkok yang menyumbang kepada perubahan status Satun.¹

Wan Shamsuddin Wan Yusoff turut juga memperincikan status sejarah Satun dari tahun 1808 hingga 1909 dengan memfokus kepada perubahan pentadbiran serta hubungan diplomatiknya dengan Kedah dan Siam. Dalam penulisannya, beliau turut menggambarkan bagaimana Ku Din Bin Ku Meh telah memperkenalkan sistem pentadbiran moden termasuk pengurusan ekonomi dan sistem pajakan. Namun, tindakan Ku Din yang membela kangkan Sultan Kedah telah membawa kepada konflik dalaman dan menimbulkan implikasi besar terhadap kedudukan politik Satun.²

Ibrahim Ismail dalam *Sejarah Kedah Sepintas Lalu* menyatakan bahawa pelantikan Ku Din Bin Ku Meh sebagai Gabenor Satun pada tahun 1897 merupakan titik tolak kepada perubahan status wilayah tersebut. Kecondongan Ku Din ke arah Siam, termasuk menerima gelaran “Chao Phaya” daripada Raja Siam telah melemahkan hubungan Satun dengan Kedah. Kajian ini turut menekankan bagaimana tindakan Ku Din yang mengurangkan peranan Kedah dalam pentadbiran wilayah tersebut serta membuka jalan kepada penyerahan Satun kepada Siam.³

Hubungan diplomatik Kedah dengan Siam telah lama wujud melalui penghantaran bunga emas dan perak sebagai simbolik persahabatan. Namun, hubungan ini sering kali dimanipulasikan oleh Siam untuk mengukuhkan cengkaman politiknya terhadap negeri-negeri Melayu Utara.⁴ Dalam konteks penjajahan yang semakin meningkat pada penghujung abad ke-19, tekanan daripada kuasa besar seperti British dan Perancis telah memaksa Siam untuk mencari cara untuk mempertahankan kedudukannya termasuk melalui pengukuhan kawalan terhadap wilayah-wilayah strategik seperti Satun. Tindakan ini dilakukan bukan sahaja untuk melindungi kedudukan Siam di rantau ini tetapi juga untuk memenuhi kepentingan kuasa besar yang bersaing untuk pengaruh di Asia Tenggara.⁵ Sebagai salah satu wilayah strategik, Satun menjadi tumpuan manipulasi politik oleh kedua-dua kuasa besar tersebut. Perjanjian Bangkok 1909 merupakan peristiwa penting yang mengubah landskap geopolitik Asia Tenggara mencerminkan bagaimana tekanan diplomatik dan kepentingan strategik British serta Siam mendominasi keputusan geopolitik di kawasan ini. Perjanjian ini menetapkan persempadan baru antara pihak British dan Siam yang mana beberapa wilayah yang sebelum ini berada di bawah naungan Kedah termasuk Satun, Pulau Adang, dan Pulau Terutau diserahkan kepada pihak Siam. Wilayah Satun yang sejak abad ke-12 menjadi sebahagian daripada Kedah kaya dengan warisan budaya Melayu-Islam. Namun, akibat tekanan diplomatik dan kewangan yang dikenakan oleh Siam dan British, Kedah telah kehilangan wilayah strategik ini tanpa sebarang rundingan. Peristiwa ini telah meninggalkan kesan mendalam terhadap kedaulatan, struktur sosiobudaya dan ekonomi wilayah tersebut yang terus diperdebatkan hingga ke hari ini.⁶

Salah satu faktor utama yang membawa kepada penyerahan wilayah Satun adalah masalah kewangan Kedah. Pada tahun 1905, pihak Siam telah memberikan pinjaman kewangan sebanyak RM2.6 juta kepada Kedah untuk mengatasi masalah ekonomi negeri tersebut. Walaupun Kedah telah membayar sebahagian pinjaman itu, alasan pinjaman itu digunakan oleh Siam dan British untuk memaksa Sultan Abdul Hamid Shah menyerahkan wilayah-wilayah tersebut. Manipulasi diplomatik ini mencerminkan bagaimana kelemahan kewangan digunakan sebagai alat tekanan politik untuk mengurangkan kedaulatan Kedah. Perjanjian Bangkok 1909 menjadi kemuncak kepada proses ini apabila Kedah kehilangan wilayah strategiknya tanpa sebarang rundingan atau persetujuan penuh daripada pihak pemerintah tempatan. Dari perspektif ekonomi, kehilangan Satun memberi kesan besar kepada Kedah. Sebelum penyerahan, wilayah ini menjadi sumber hasil bumi yang penting serta pelabuhan strategik untuk perdagangan maritim. Penyerahan ini menyebabkan Kedah kehilangan sumber ekonomi yang signifikan, melemahkan kedudukan negeri tersebut dalam persaingan ekonomi serantau. Mahani Musa dan Ahmad Jelani Halimi dalam karya mereka turut menekankan bahawa kehilangan ini mengurangkan keupayaan Kedah untuk bersaing dengan negeri-negeri lain dalam ekonomi kolonial British, sekali gus melemahkan kedudukannya sebagai sebuah negeri yang berdaya tahan.⁷

Perjanjian Bangkok 1909 juga meninggalkan kesan mendalam terhadap hubungan geopolitik antara Malaysia dan Thailand. Penetapan sempadan moden yang dihasilkan daripada perjanjian ini menjadi asas kepada hubungan antara kedua-dua negara hingga hari ini. Namun, ia juga mencetuskan ketegangan, khususnya dalam konteks hubungan budaya dan agama di

kawasan seperti Satun, di mana penduduk Melayu-Islam terus berjuang untuk mengekalkan identiti mereka dalam struktur politik dan sosial Thailand. Kajian ini berusaha untuk mengisi jurang pengetahuan mengenai isu ini dengan menilai dokumen sejarah, salasilah pemerintahan, dan perspektif pelbagai pihak.⁸ Fokus utama adalah untuk memahami bagaimana manipulasi kuasa besar dan kelemahan politik Kedah menyumbang kepada kehilangan Satun serta implikasi jangka panjang terhadap identiti budaya, ekonomi, dan geopolitik di rantau ini.

Reaksi Sultan Abdul Hamid Shah terhadap tekanan ini menggambarkan usaha pemimpin tempatan dalam menghadapi cabaran besar pada zaman penjajahan. Sultan Abdul Hamid cuba menggunakan diplomasi dan komunikasi rasmi untuk mengekalkan kedudukan Kedah sebagai negeri berdaulat. Baginda mengutus surat kepada pegawai British untuk menyuarakan ketidakpuasan terhadap keputusan tersebut dan mempertahankan hak Kedah ke atas wilayah Satun. Namun, kekuatan politik dan kewangan yang dimiliki oleh Siam dan British mengehadkan tindakannya. Ketika British dan Siam berunding mengenai perjanjian ini, Kedah tidak diberikan ruang untuk menyuarakan pandangan mereka, sekali gus menonjolkan ketidakseimbangan kuasa yang wujud dalam hubungan tersebut.

Kajian lepas

Kajian mengenai hubungan diplomatik antara Kedah, Siam, dan British serta penyerahan wilayah Satun pada tahun 1909 telah banyak dibincangkan, namun aspek reaksi politik Sultan Abdul Hamid Halim Shah terhadap tekanan kuasa besar memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Sultan Abdul Hamid Halim Shah memainkan peranan penting dalam menentang tekanan kuasa besar melalui saluran diplomasi. Kajian oleh Andaya (2020) menunjukkan bagaimana Sultan Abdul Hamid menggunakan surat-menyurat dan hubungan dengan British untuk mempertahankan kedaulatan Kedah, walaupun usahanya dibatasi oleh manipulasi Siam dan British. Hubungan antara Kedah dan Siam telah lama dirakamkan sebagai hubungan tributari berdasarkan penghantaran bunga emas dan perak oleh Kedah. Andaya dan Andaya (2001) menyatakan bahawa penghantaran ini dianggap oleh Siam sebagai tanda kesetiaan, manakala Kedah melihatnya sebagai simbol persahabatan tanpa pengakuan kedaulatan. Dalam konteks kolonialisme, Brown (1994) menekankan bagaimana British memanfaatkan hubungan diplomatik untuk mengukuhkan pengaruh mereka di negeri-negeri Melayu Utara, termasuk Kedah. Kajian oleh Sattayanurak (2016) pula mengupas strategi Siam dalam menggunakan tekanan politik British untuk memastikan wilayah mereka bebas daripada ancaman kuasa besar lain seperti Perancis dan Jerman.⁹

Perjanjian Bangkok 1909 merupakan titik perubahan penting yang menyaksikan manipulasi kuasa kolonial terhadap negeri-negeri Melayu. Gullick (1987) mendapati bahawa pinjaman kewangan Kedah kepada Siam pada tahun 1905, bernilai \$2.6 juta digunakan oleh Siam dan British untuk melemahkan kedudukan Sultan Abdul Hamid Shah. Christie (2019) pula menyoroti bagaimana tekanan politik British lebih kepada melindungi kepentingan strategik mereka di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di Singapura dan Pulau Pinang daripada campur tangan kuasa asing lain.

Selain itu, Kajian oleh Fukuoka (2019) menekankan impak penyerahan wilayah Satun terhadap identiti budaya masyarakat Melayu di wilayah tersebut menyatakan bahawa dasar Siamisasi termasuk perubahan sistem pendidikan dan penggunaan bahasa Thai menghakis identiti Melayu-Islam di Satun.¹⁰ Hal ini juga dikuatkan oleh Loh (2021) yang melihat bagaimana dasar ini dijadikan alat politik untuk mengintegrasikan wilayah baru ke dalam struktur moden Siam.¹¹

Seterusnya, kajian oleh Mohd Hazim dan Lim (2022) menekankan bahawa Perjanjian Bangkok 1909 membawa kesan mendalam terhadap struktur ekonomi dan politik Kedah. Kehilangan wilayah Satun bukan sahaja melemahkan kedaulatan negeri tetapi juga menyebabkan Kedah kehilangan sumber-sumber penting yang mempengaruhi daya saing ekonominya. Artikel ini mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan untuk menilai bagaimana kesan penjajahan ini membentuk hubungan Malaysia-Thailand hingga ke hari ini.¹²

Daripada kajian lepas di atas, menunjukkan bahawa penyerahan wilayah Satun mencerminkan manipulasi kuasa besar dan tekanan diplomasi terhadap negeri-negeri Melayu. Reaksi Sultan Abdul Hamid Halim Shah memberikan gambaran tentang usaha pemimpin tempatan dalam menghadapi cabaran geopolitik, sementara kesan sosiobudaya dan ekonomi akibat penjajahan terus relevan dalam konteks hubungan serantau. Kajian ini mencadangkan analisis lebih mendalam terhadap isu kedaulatan, identiti budaya, dan strategi diplomasi dalam mempertahankan negeri-negeri Melayu daripada tekanan luar.

Reaksi Sultan Abdul Hamid (Sultan Kedah)

Pemerhatian mengenai reaksi Kedah dalam isu penyerahan ini dilihat daripada aspek penyerahan kesemua wilayahnya kepada Siam oleh pihak British tanpa rundingan bersama pihak baginda Sultan Kedah sendiri. Pada awal perbincangan ke arah Perjanjian Bangkok 1909, pihak Kedah sudah mengetahui rancangan pemindahan kuasa daripada Siam kepada kerajaan British. Namun, pemindahan kuasa yang difikirkan oleh kerajaan Kedah pada waktu itu hanya bersifatkan pemindahan kuasa pentadbiran serta naungan bukan pemindahan wilayah. Oleh sebab itu juga, pada awal tahun 1908 pihak Kedah telah menulis surat kepada Pejabat Luar British di London bagi mengemukakan bantahan rancangan pemindahan kuasa ini. Surat yang dihantar itu telah menekankan beberapa perkara penting agar Kedah tidak diserahkan kepada kerajaan British. Baginda juga telah menunjukkan keengganan daripada pihak Kedah dalam isu pemindahan kuasa ini tanpa mendapat persetujuan pihak Kedah sendiri.¹³ Pada bulan Jun 1908, baginda Sultan Abdul Hamid telah mengarahkan Penasihat undang-undang Kedah iaitu Arthur Adams untuk memohon kepada Pejabat Luar British supaya mendengar pandangan yang telah dikemukakan oleh Kedah sebelum satu keputusan akhir akan dibuat. Beliau telah menyatakan; “..before anything was settled with regard to the future administration of state, he would be given an opportunity to place the views of his government before British ministers”.¹⁴

Walaupun begitu, permintaan Kedah ini tidak mendapat layanan daripada Pejabat Luar British. Namun, Kedah telah berusaha sekali lagi bagi membantah cadangan pemindahan ketuanan itu melalui memorandum yang telah dihantar oleh Tuan Adams pada akhir tahun 1908 dengan menegaskan tentang perlunya pihak British mendapatkan kebenaran daripada Sultan Kedah sendiri.¹⁵ Bagi Kedah, dengan penjelasan yang diberikan oleh pihak mereka itu, pihak Siam harus berunding terlebih dahulu dengan pihak Kedah sekiranya Siam mahu mengikut undang-undang dalam Perjanjian Pinjaman Kewangan 1905. Perjanjian ini telah menetapkan bahawa Siam sebagai si piutang berhak memindahkan Kedah (si berhutang) kepada pihak ketiga sekiranya telah mendapat persetujuan daripada pihak Kedah sendiri. Tetapi dalam konteks ini, Siam tidak mempunyai hak untuk memindahkan Kedah kepada pihak British kerana tidak mendapat kebenaran daripada Kedah terlebih dahulu.¹⁶

Pihak British telah menolak memorandum yang dikemukakan oleh pihak Kedah dengan mengemukakan pandangan bahawa Kedah sudah mempunyai sistem pemerintahan dan pentadbiran yang lengkap. Sememangnya pihak British cuba untuk menafikan sebarang

dakwaan yang telah dituntut oleh pihak kerajaan Kedah. Ini kerana pihak British sudah mempunyai minat untuk meluaskan pengaruhnya ke Kedah.¹⁷ Kedah sememangnya telah menyedari bahawa keputusan-keputusan yang dibuat dalam Perjanjian Bangkok 1909 itu sudah ditetapkan dan tiada sebarang perubahan akan dijalankan. Namun Kedah tidak mahu mengaku kalah dan mengemukakan bantahan kepada House of Commons dan satu jaminan telah diberikan oleh pihak House Of Common bahawa kedaulatannya tidak akan sesekali terjejas dalam perjanjian itu.¹⁸ Apabila Kerajaan Kedah mengetahui bahawa sebahagian wilayahnya telah diserahkan kepada Siam tanpa membuat rundingan dengan baginda, baginda Sultan amat marah dan murka dengan tindakan Siam dan British , “ *the Sultan blamed Siam for treating him as a mere pawn or chattel* ”.¹⁹ Selain itu juga, baginda Sultan begitu murka kepada pihak Siam sehingga pernah menyatakan tidak akan memaafkan orang yang “menjual” Kedah dan wilayah-wilayah Kedah yang lain seperti seekor kerbau; “*my country and my people have been sold as one sells a bullock. I can forgive the buyer who had no obligation to me, but i cannot forgive the seller.* ”²⁰

Bagi Kedah, perjanjian ini adalah satu bentuk perjanjian yang tidak seimbang serta tidak adil bagi Kedah sendiri. Baginda Sultan menyatakan bahawa ia telah menjelaskan kedaulatan negeri Kedah sendiri. *The Malay Mail* melaporkan bahawa Sultan Abdul Hamid tidak mahu berunding dengan John Anderson berkaitan penyerahan itu. Baginya, perjanjian itu adalah tidak sah. Reaksi baginda Sultan jelas menunjukkan baginda masih tidak dapat menerima hakikat bahawa Kedah dan wilayahnya seperti Pulau Terutau, Pulau Adang, Satun serta Sadow telah diserahkan kepada pihak British.²¹

Penyerahan wilayah Kedah kepada Siam telah mendapat reaksi yang kurang senang kepada pihak kerajaan Kedah. Bagi Kedah, penyerahan Kedah kepada British adalah sesuatu yang telah disepakati namun dari segi penyerahan sempadan atau wilayah Kedah seperti Satun, Pulau Adang, Pulau Terutau dan kawasan-kawasan lain adalah sesuatu yang mendukacitakan baginda. Perkara ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati oleh baginda Sultan sehingga baginda Sultan telah menghantar surat kepada Putera Damrong berhubung hal persempadanan tersebut. Berhubung hal tersebut, Sultan Kedah iaitu Sultan Abdul Hamid telah menjelaskan kepada Putera Damrong iaitu Menteri Dalam Negeri Siam bahawa wilayah yang diserahkan kepada Siam itu adalah wilayah di bawah pentadbiran Kedah. Bantahan itu dapat dilihat menerusi *Malay Mail* yang telah melaporkan tentang ketidakpuasan hati Sultan Kedah terbabit; *The Boundary would deprive Kedah of territory which it had held since time immemorial and he trusted that the Britian and Siamese Governments would respects the rights of Kedah in this matter.*²²

Selain itu juga, bantahan Kedah berhubung isu persempadanan yang turut dilihat daripada perspektif ketidakpuasan hati oleh pihak sultan:

“There is one thing regarding which i ask for further consideration, that is northern boundary. I ask followed and that the farmer boundary be followed and that the Sadaow district and the other district near Changloon and Terutau island and territory. If they are taken by Siam Kedah loses a large area of territory. Please instruct the survey Commissioner not to clear boundary lines until this matter is settled.”²³

Bagi Kerajaan Kedah, mereka menganggap ketepatan sempadan itu telah menyebabkan Kedah kehilangan sebahagian kawasan kepada Siam. Akibatnya, Putera Damrong telah menghantar surat kepada Sultan Kedah untuk menjelaskan perkara yang sebenarnya berlaku. Pihak Siam

telah membalas hujah tersebut dengan menyatakan bahawa Kedah hanya kehilangan sebahagian wilayahnya, namun Siam telah kehilangan negerinya.

“That the boundary between Songkhla and Kedah has never been well defined except where it passes the main road. The boundary protocol became a necessary part of the last Treaty because the boundary becomes the national frontier between Siam and British territory and it was therefore found the necessary to settle upon the well defined natural boundary of a permanent character.”²⁴

Pada bulan Ogos 1909, baginda Sultan Abdul Hamid telah menghantar surat kepada Pesuruhjaya Tinggi British untuk menyampaikan hasrat Kedah kepada Raja England mengenai pertikaian sempadan tersebut. Dalam surat terbabit, baginda Sultan telah menegaskan bahawa wilayah Sadaow dan Pulau Terutau merupakan hak milik Kerajaan Kedah.²⁵ Tindakan baginda Sultan Kedah yang menentang penyerahan wilayah itu telah menyebabkan pihak British yang diwakili oleh John Anderson telah mengemukakan sebab-sebab untuk menenteramkan perasaan baginda sultan. Semasa Anderson melakukan kunjungan ke Kedah, Sultan Abdul Hamid telah menyuarakan rasa kekecewaan terhadap tindakan Siam yang tidak pernah merujuk kepadanya semasa membuat pengubahsuaian sempadan. Sultan Abdul Hamid telah memaklumkan kepada Anderson bahawa beliau tidak bersetuju dengan tindakan Siam yang mengubahsuaikan sempadan Kedah tanpa melibatkan perbincangan bersama Kedah sendiri.²⁶ Tindakan British ini sedikit sebanyak meredakan perasaan Sultan Abdul Hamid. British telah mengambil sikap berlembut dengan baginda Sultan kerana pihak British telah mendapat keuntungan yang besar akibat pengubahsuaian terbabit.

British telah menerangkan kepada baginda Sultan dengan membuktikan bahawa pengubahsuaian itu telah membawa keuntungan kepada pihak Kedah. Pertama, British menerangkan bahawa Siam telah menyerahkan perkhidmatan telegraf,²⁷ telefon serta pejabat pos kepada pentadbiran Kedah. British juga turut menerangkan bahawa penyerahan tersebut adalah datang daripada usaha pihak British sendiri. Kedua, pihak British melalui NNMB telah mengambil alih hutang Kedah yang perlu dibayar kepada pihak Siam. Kerajaan British menekankan bahawa Kedah hanya perlu membayar balik hutang tersebut kepada NNMB dengan kadar faedah sebanyak 4 peratus berbanding 6 peratus sebelum ini.²⁸ Penjelasan ini yang menggunakan pendekatan psikologi telah dapat mempengaruhi Sultan Abdul Hamid supaya mengurangkan ketegangan mengenai hal persempadanan terbabit.

Tengku Mahmud²⁹ yang hadir dalam perjumpaan ini telah memberikan reaksi kepada penjelasan Anderson itu melalui sudut kelebihan yang diperoleh oleh Kedah sendiri. Ketegangan yang berlaku ini sedikit sebanyak telah mengurangkan ketegangan Sultan Abdul Hamid kepada kerajaan British melalui surat John Anderson yang menyatakan:

“It is the desire of His Majesty the king of England that my friend should have the means of developing his country and there should be as much money as possible available for this purpose. His Majesty recognizes that the payment of interest on the loan at the rate of six percent is a severe tax on the revenue of Kedah and in order that there may be money available for developing my friend’s country the Federated Malay States will take interest on the loan at the four percent.. The amount to be paid each year will therefore be \$108,838 instead of \$163,257 and my friend’s will be seen that there will be a sum of \$54,419 saved each year.”³⁰

Janji pihak British ini telah mengubah pandangan pihak Baginda Sultan untuk menerima ketepatan sempadan yang telah dipersejui oleh pihak Siam dan British sendiri. Pendekatan psikologi yang telah digunakan oleh pihak British telah menyebabkan Kedah menerima ketepatan sempadan tersebut. Oleh itu, Sultan Abdul Hamid telah menghantar sepucuk surat kepada John Anderson untuk mengucapkan terima kasih di atas pertolongan tersebut. Kandungan surat itu menyatakan:

“Maka beta berbanyak-banyak terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Inggeris itu dan diharapkan sahabat beta menyampaikan terima kasih ini. Dan sahabat beta menolongkan di atas beta akan Negeri Kedah di dalam perkara ini tiada-lah dapat beta membalaskan kebijakan sahabat beta, melainkan berbanyak-banyaklah menerima kasih beta kepada sahabat beta”³¹

Dasar yang telah diamalkan oleh British ini telah berkesan untuk mengurangkan ketegangan antara British, Siam dan Kedah sendiri berikutan penyerahan wilayah Kedah tanpa mendapat kebenaran Kedah sendiri. Bagi Kedah, pada awalnya baginda Sultan Kedah amat murka kepada kerajaan Siam dan British kerana telah memperlakukan Kedah sebagai negeri yang tidak bermaruah kerana membahagikan wilayah Kedah tanpa persetujuan. Namun tindakan bijak kerajaan British untuk mengurangkan ketegangan yang berlaku ini telah menyebabkan baginda Sultan Kedah telah bersetuju dengan menurut kepada Perjanjian Bangkok 1909 tersebut. Oleh sebab itulah, Pulau Adang, Pulau Terutau, Pulau Rawi dan Satun sehingga kini menjadi milik Siam walaupun pada asalnya ia di bawah pentadbiran Kedah sendiri.

Reaksi Penduduk Satun

Wilayah Satun selepas penyerahan kepada pihak Siam masih lagi tidak mengalami perubahan yang drastik mengikut corak pemerintahan Siam sendiri. Tidak wujud ketegangan oleh masyarakat kerana peranan pemerintah pada ketika itu yang telah mempengaruhi cara pemikiran masyarakat Satun pada waktu itu. Peranan Ku Din Bin Ku Meh yang telah bersungguh-sungguh membangunkan kemajuan wilayah Satun telah menyebabkan penduduk Satun menerima penyerahan ini. Misalnya, Ku Din Bin Ku Meh sangat mengambil berat tentang peranan agama Islam dengan membangunkan masjid besar di wilayah Satun sebagai salah satu tanda bahawa pihak Siam begitu memelihara agama masyarakat Satun walaupun Satun pada ketika itu bukanlah menjadi sebahagian daripada naungan Kedah lagi.³²

Ketegangan yang tidak wujud oleh masyarakat Satun pada ketika itu adalah disebabkan cara pihak Siam yang membentarkan masyarakat Satun untuk berulang alik dari Satun ke Kedah tanpa sekatan. Perhubungan masyarakat Satun dengan Kedah serta Perlis itu harus dikekalkan oleh pihak Siam pada awal penyatuhan Satun dengan wilayah Siam yang lain bagi mengelakkan sebarang pertikaian berlaku. Pihak Siam sedar sekiranya mereka melakukan cara kekerasan atau juga melakukan perubahan yang drastik terhadap perhubungan antara wilayah Satun dengan Kedah atau Perlis akan wujud penentangan daripada penduduk tempatan untuk memihak kepada Kedah. Selain itu juga, pada awal pentadbiran Siam di wilayah tersebut, pihak Siam telah memberi hak kebebasan kepada penduduk-penduduk tempatan bagi menjalankan kepelbagaiannya ekonomi serta agama dan budaya bagi mengurangkan rasa ketegangan kepada Siam.³³

Pihak Siam juga pada awal penyatuhan Satun ini tidak melakukan proses asimilasi Siam secara drastik tetapi mengaplikasikan proses penyatuhan budaya ini dengan berperingkat bagi

menghapuskan identiti budaya Kedah itu secara beransur-ansur. Penduduk tempatan masih lagi dibenarkan untuk menuturkan bahasa Melayu Kedah dalam dialek sehari-hari mereka di samping Siam memperkenalkan bahasa mereka di peringkat persekolahan. Pihak Siam turut membenarkan penuhnya madrasah atau dikenali juga sebagai sekolah pondok bagi penduduk yang beragama Islam menyampaikan agama mereka. Tujuannya adalah untuk memastikan penduduk tempatan tidak mempersoalkan hak kebebasan agama mereka pada ketika itu kepada pihak Siam.³⁴

Keadaan masyarakat Satun yang tidak memberontak menjadi sebab wilayah ini ingin dimiliki oleh pihak Siam. Masyarakat atau penduduk di Satun tidak mempunyai sifat agresif atau memberontak seperti masyarakat di wilayah Siam yang lain seperti Pattani. Keadaan wilayah, masyarakat serta pemerintah yang ketika itu berkiblatkan Bangkok menjadi sebab pihak Siam melepaskan wilayah naungan yang lain dan hanya mengekalkan Satun sahaja untuk disatukan dalam wilayah Siam. Bagi pihak Siam, mereka hanya melepaskan kawasan atau wilayah yang banyak memberi tekanan untuk menjaga maruah dan penghormatan mereka sebagai kuasa yang merdeka.³⁵ Sistem pentadbiran Ku Din Bin Ku Meh yang cekap serta kepelbagaiannya dalam pembangunan dan ekonomi di Satun telah menyebabkan penduduk di wilayah itu menerima penyatuhan wilayah ini dengan kawasan Siam yang lain. Selain keadaan Siam yang tidak dijajah oleh kuasa asing seperti yang berlaku di Kedah, penduduk dengan rela hati menerima pengubahsuaian ini secara kekal.

Penaksiran mengenai reaksi penduduk ini dapatlah dinyatakan berhubung kebijaksanaan pemerintah yang menyebabkan penduduk setempat hanya menerima pengubahsuaian ini. Apabila berlaku penentangan oleh penduduk, penentangan yang dilakukan hanyalah dalam bentuk minoriti bagi pemerintah ketika itu. Selain itu, kecekapan Ku Din Bin Ku Meh yang ketika itu mentadbir wilayah tersebut telah menyebabkan penduduk tempatan kurang mewujudkan penentangan ke atas pentadbiran beliau di Satun. Pelantikan beliau untuk mentadbir kawasan itu selepas Satun diserahkan kepada Siam telah meyakinkan penduduk tempatan bahawa beliau akan meneruskan legasi pemerintahan bercirikan Kedah serta memelihara agama itu sendiri. Sehingga ke hari ini kita masih kurang mengetahui tentang penentangan penduduk Satun terhadap pemerintahan Siam di wilayah tersebut kerana majoriti penduduk di kawasan itu masih lagi didominasi oleh penduduk Melayu yang beragama Islam walaupun budaya mereka berbeza daripada penduduk di Kedah.

Kesimpulan

Penyerahan Wilayah Satun kepada Siam melalui Perjanjian Bangkok 1909 mencerminkan manipulasi kuasa besar dalam mencorak landskap geopolitik Asia Tenggara. Peristiwa ini menjadi simbol bagaimana kuasa besar seperti British dan Siam menggunakan kedudukan strategik mereka untuk memenuhi kepentingan politik, ekonomi, dan geopolitik masing-masing dengan mengorbankan negeri-negeri Melayu seperti Kedah. Sebelum penyerahan ini, wilayah Satun adalah sebahagian daripada Kedah dengan hubungan rapat dari segi budaya, agama, dan ekonomi. Namun, rundingan antara British dan Siam yang dilakukan tanpa penglibatan langsung Sultan Abdul Hamid Shah mengakibatkan Kedah kehilangan status geopolitik dan kedaulatan ke atas wilayah penting ini.

Penentangan Sultan Abdul Hamid terhadap penyerahan Satun mencerminkan usaha kerajaan Kedah dalam mempertahankan kedaulatan dan haknya ke atas wilayah tersebut. Sultan Abdul Hamid menyuarakan rasa tidak puas hati melalui surat-menyurat dan memorandum kepada British, namun kekuatan diplomasi dan manipulasi kuasa besar yang

dimiliki oleh Siam dan British menghalang sebarang usaha Kedah untuk mendapatkan kembali wilayah tersebut. Bagi Sultan Abdul Hamid, penghantaran bunga emas kepada Siam selama ini hanyalah simbol persahabatan, bukan pengakuan kedaulatan Siam ke atas Kedah. Namun, bagi Siam, penghantaran ini dilihat sebagai tanda penyerahan dan ketundukan. Persepsi berbeza inilah yang menjadi punca ketegangan antara Kedah dan Siam, yang akhirnya dimanfaatkan oleh British untuk mengukuhkan pengaruhnya di rantau ini.

British, melalui pelbagai strategi diplomatik, menggunakan kedudukannya untuk memastikan Kedah menerima syarat penyerahan wilayah ini. Antara strategi yang digunakan termasuk menggunakan isu pinjaman kewangan Kedah kepada Siam pada tahun 1905 sebagai tekanan. Pinjaman sebanyak RM2.6 juta itu, walaupun bertujuan membantu Kedah mengatasi masalah kewangan, menjadi alat politik bagi kedua-dua kuasa besar ini. British menyokong Siam dengan harapan untuk memastikan kestabilan geopolitik di kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu, khususnya demi melindungi kedudukan strategik Pulau Pinang dan Singapura. Dalam masa yang sama, Siam berjaya meyakinkan British bahawa wilayah Satun adalah penting bagi kepentingan nasional mereka, terutama untuk mengelakkan kebangkitan gerakan anti-Siam seperti yang berlaku di wilayah-wilayah Melayu lain yang berada di bawah naungan Siam.

Penyerahan wilayah Satun juga meninggalkan impak mendalam terhadap ekonomi Kedah. Wilayah ini sebelumnya memainkan peranan penting sebagai sumber hasil bumi dan laut yang menyumbang kepada kestabilan ekonomi Kedah. Kehilangan Satun bermakna Kedah kehilangan akses kepada sumber-sumber strategik ini, sekali gus melemahkan daya saing ekonominya. Pada masa yang sama, kelemahan ekonomi Kedah menjadi alasan British untuk memperlihatkan penyerahan ini sebagai satu tindakan yang tidak dapat dielakkan. Manipulasi sedemikian memberikan justifikasi kepada British untuk melepaskan tanggungjawab mereka atas kerugian yang ditanggung oleh Kedah akibat pengubahsuaian sempadan tersebut.

Makalah ini menegaskan bahawa penyerahan Satun bukan sahaja mencerminkan kelemahan Kedah dalam mempertahankan wilayahnya tetapi juga bagaimana manipulasi kuasa besar seperti British dan Siam berjaya mencorak sempadan politik dan budaya rantau ini. Peristiwa ini memberikan pengajaran penting tentang bagaimana kuasa luar sering memanfaatkan kelemahan ekonomi dan politik negeri-negeri Melayu untuk mencapai matlamat geopolitik mereka. Dalam konteks hubungan moden, penyerahan ini juga memberikan kesan jangka panjang terhadap hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Thailand.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah memberi dorongan serta galakan kepada penulis dalam menyiapkan makalah ini.

Biodata

* Dr. Intan Syafinas Binti Shafie (intansyafinas@unimap.edu.my) (corresponding author) merupakan Pensyarah Sambilan di Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Malaysia Perlis

** Dr. Aisyah Binti Kamaruddin (aisyahk@uum.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pendidikan Universiti Utara Malaysia.

Received: 25 Februari 2025

Reviewed: 6 Jun 2025

Accepted: 28 Jun 2025

Nota

¹ Abdullah Long Putih, *Sejarah Negeri Setol, Thailand*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2000

² Wan Shamsuddin Mohd Yusoff, *Sejarah Negeri Melayu Setul: Mambang Segara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985

³ Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1990.

⁴ Sharom Ahmat, Tradition and Changes in A Malays State: A Study of The Economic and Political Development of Kedah 1878-1923, *The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society Monograph 12*, MBRAS, 1984, hlm. 110-112. Lihat juga Kobkua Suwannathat-Pian, The Significance Of The 1909 Anglo-Siamese Treaty an Analysis from the Bangkok Perspective, *Kertas Kajian Majlis Wacana Warisan:100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2009.

⁵ S. Sattayanurak, "Siam's Diplomacy and Sovereignty in the Colonial Era," *Asian Journal of Political Science*, 24(1), 2016, hlm. 45-65. Lihat juga J. M., Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*, hlm.29, Oxford University Press, 1987.

⁶ Wan Shamsuddin Mohd Yusoff, *Sejarah Negeri Melayu Setul: Mambang Segara (1808-1909)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985. Lihat juga, Abdullah Long Putih. *Sejarah Negeri Setol, Thailand*, hlm. 17-18, Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2000.

⁷ Ibid.

⁸ Thamsook Numnonda, The Anglo-Siamese Negotiations 1900-1909, 1996 Tesis Ph.D, hlm. 238.

⁹ CO 273/353, Surat Arthur Adams kepada Dorset, 12th Sept, 1908.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Maxwell.George, The Annual Report of The Adviser to the Kedah Government for the year 1327 H (23rd January 1909-12th January 1910), hlm.3.

¹² CO 273/353, Surat Prince Damrong kepada Beckett, July 28th 1909.

¹³ CO 273/350, Surat Anderson kepada Grey, 25 Ogos 1909.

¹⁴ CO 273/350, Surat John Andrson kepada Sultan Kedah, 14-Ogos 1909. Sila lihat dalam *Kedah Annual Reprot* 1906-1908 yang telah menyatakan tentang pembayaran kembali pinjaman kewangan daripada Siam yang telah dilakukan setiap bulan Jun dengan kadar faedah sebanyak RM 156,000 setahun dalam hlm. 8-9.

¹⁵ Tengku Mahmud merupakan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Kedah pada tahun 1907-1914. Penubuhan MMN ini adalah bagi memenuhi salah satu syarat perjanjian pinjaman kewangan dengan Siam pada tahun 1905. Sila lihat dalam Mohd. Isa Othman, 2001, hlm. 103.

¹⁶ CO 273/350, Surat John Anderson kepada Sultan Kedah, 14 Ogos 1909.

¹⁷ CO 273/350, Surat Sultan Kedah kepada High Commissioner, 18 Sept 1909.

¹⁸ Pihak British telah menjalankan dasar diplomasi dengan pihak Kedah di mana pihak British cuba untuk mendapatkan persetujuan daripada pihak Kedah tanpa menggunakan paksaan. Ini merupakan salah satu cara dan kelebihan pihak British untuk menghindarkan dari berlakunya penentangan daripada Kedah pada waktu itu. Sila lihat dalam CO 273/350, Anderson kepada CO, 3 Augst 1909 dan CO 273/350, Anderson kepada Grey, 25 August 1909 yang menunjukkan bagaimana dasar itu telah melembutkan baginda Sultan Kedah untuk menyerahkan wilayahnya.

¹⁹ Wan Shasuddin Wan Yusoff, *Dari Pulau Adang Ke Pulau Tiga*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1958, hlm.3.

²⁰ Temu ramah bersama Datuk Wan Shamsuddin Mohd Yusoff mengenai reaksi masyarakat Satun pada 10 Jun 2014.

²¹ Temu ramah bersama Encik Muhamad Irsyad iaitu pengkaji sejarah Satun dan juga merupakan bekas pensyarah di Universiti Songkhla pada 11 Julai 2014.

²² Temu ramah bersama Datuk Wan Shamsuddin Mohd Yusoff mengenai reaksi masyarakat Satun pada 10 Jun 2014.

²³ CO 273/353, Surat Putera Damrong kepada Beckett , 28 July 1909.

²⁴ CO 273/353, Surat Prince Damrong kepada Beckett, July 28th 1909.

²⁵ Wan Shamsuddin Mohd Yusoff, *Sejarah Kerajaan Melayu Setol 1808-1909, Kedah Dari Segi Sejarah*, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah*, Jilid 2(1), Dis 1987, hlm.4

²⁶ Ibid.

²⁷ CO 273/350, Surat John Andrson kepada Sultan Kedah, 14th Ogos 1909. Sila lihat dalam *Kedah Annual Report* 1906-1908 yang telah menyatakan tentang pembayaran kembali pinjaman kewangan daripada Siam yang telah dilakukan setiap bulan Jun dengan kadar faedah sebanyak RM 156,000 setahun dalam hlm. 8-9.

²⁸ Ibid., hlm.239.

²⁹ Ibid.

³⁰ Thamsook Numnonda, *The Anglo-Siamese Negotiations 1900-1909*, Tesis Ph.D., University of London, 1996, hlm. 238.

³¹ CO 273/353, Surat Putera Damrong kepada Backett , 28 July 1909.

³² John Anderson merupakan Gabenor Negeri Selat dan merangkap kepada Pesuruhjaya Tinggi British bagi NNMB serta NNMTB. Tugas utama beliau adalah mengawasi proses perjalanan pentadbiran NNMB dan NNMTB. Sila lihat dalam Leonard Y, Andaya & Barbara Watson, *Sejarah Malaysia*, hlm. 200.

³² CO 273/350, Surat Anderson kepada Grey, 25 Ogos 1909.

³³ Temu ramah bersama Datuk Wan Shamsuddin Mohd Yusoff mengenai reaksi masyarakat Satun pada 10 Jun 2014.

³⁴. Wan Shamsuddin Mohd Yusoff, Sejarah Kerajaan Melayu Setol 1808-1909, *Kedah Dari Segi Sejarah, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah*, Jild 2(1), Dis 1987, hlm.5.

³⁵ Temu ramah bersama Encik Muhamad Irsyad iaitu pengkaji sejarah Satun pada 11 Julai 2014. Beliau menyatakan keadaan masyarakat Satun yang tidak menentang atau memberontak penyerahan Satun kepada Siam disebabkan sikap masyarakat Satun yang kehidupan mereka sentiasa aman.

Rujukan

Abdullah Long Puteh, *Sejarah Negeri Setol Thailand*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1971.

Butcher, J.G., *The British In Malaya 1880-1914: The Social History Of A European Community in Colonial South East Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979.

Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

Chandran, J., *The Contest For Siam 1889-1902: A Study In Diplomatic Rivalry*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977.

Chan Hon Chai, *The Development Of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.

CO 237, Straits Settlements Original Correspondence 1900-1909, Arkib Negara Malaysia.

CO716, Kedah and Perlis Sessional Papers 1905-1909, Kedah Annual Report 1905-1909 (2 Jilid), Arkib Negara Malaysia

Ho Hui Ling, “Ke Arah Perjanjian Bangkok 1909”, Kertas Kerja Majlis Wacana Warisan: 100 Tahun

Perjanjian Bangkok 1909, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 12-13 Mei, 2009.

Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Jitra: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 1987.

Ishii Yoneo, *Sejarah Sangha Thai- Hubungan Buddhanisme Dengan Negara dan Masyarakat*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

Jumsai, M., *History Of Anglo- Thai Relations*, Thai: Chalermint, 1970.

Khan, G., Mohamamad, *History Of Kedah*, Penang: T.P, 1958.

Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.

Khoo Kay Kim (penyt), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur:Persatuan Sejarah Malaysia, 1984.

Khoo Kay Kim, "The Stamp Office Record Of Kedah: A Neglected Data Base," Persidangan Sejarah Kebangsaan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.17-18 Ogos 1983.

Kobkua Suwananthat-Pian, *Thai-Malay Relations: Traditional Intra-regional Relations From The Seventeenth to Early Twentieth Centuries*, Singapore: Oxford University Press, 1988.

Kobkua Suwananthat-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Mahani Musa & Ahmad Jalani Halimi, *Warisan Mahawangsa Kedah*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1991.

Marks, T., *The British Aquisition Of Siamese Malaya 1896-1909*, New York: White Lotus, 1997.

Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, Proses Pembentukan Sempadan Malaysia-Thailand, Tesis Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1995.

Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, "Ke Arah Pembentukan Sempadan Bersama", Kertas Kerja Majlis Wacana Warisan: Perjanjian Bangkok 100 Tahun. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.12-13 Mei, 2009.

Mohd.Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah-Perlis Zaman Penjajahan British*, Utusan Publication & Distributors, 2001.

Muhamad Hassan Bin To'Kerani Mohd Arshad, *Al- Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.

Nabihah Haji Mohamed, *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, Alor Setar: Lembaga Muzium Kedah, 1991.

Sivarajan Ponniah, Pengaruh British di Kedah 1770-1940: Kesan Ke atas Pentadbiran dan Ekonomi, Tesis Ph.D.Universiti Sains Malaysia, 2001.

Wan Shamsuddin Wan Yusoff, *Dari Pulau Adang Ke Pulau Tiga*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1958.

Wan Shamsuddin Wan Yusoff," Sejarah Kerajaan Melayu Setol 1808-1909 ", *Kedah Dari Segi Sejarah: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah*, Jild .2(1), Dis 1987.

Wan Yahya Wan Mahamad Taib, *Salasilah Atau Tareh Kerja-An Kedah*, Penang: The British Malaya, 1911.

William George Maxwell & William Sumner Gibson(eds.), *Treaties and Engangments Affecting the Malay States and Borneo*, Penang:T.P, 1924.